

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 April 2016

SOALAN

PUAN S. BAGIAM A/P AYEM PERUMAL minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah pusat kaunseling yang ada bagi rakyat kita yang mengalami tekanan jiwa dan mental dan berapakah jumlah klien yang telah mengikuti program kaunseling di seluruh negara mengikut negeri.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi menerusi tiga agensi di bawahnya iaitu Jabatan kebajikan dan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kepada semua lapisan masyarakat Malaysia dalam bentuk kaunseling keluarga, komuniti dan individu. Kementerian mempunyai sejumlah 201 pegawai dan penolong pegawai psikologi di seluruh negara yang menawarkan perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Pegawai Psikologi di KPWKM memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi di 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri di seluruh negara, 15 cawangan pejabat di LPPKN serta di Ibu Pejabat JPW. Selain itu, Kementerian ini juga telah menyediakan Talian Kasih (15999) yang memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi 24 jam setiap hari sepanjang tahun. Pegawai Psikologi, KPWKM memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada klien yang mengalami tekanan emosi yang masih waras tetapi jika didapati mengalami gangguan mental, maka klien tersebut akan dirujuk ke Klinik Psikiatri, Kementerian Kesihatan Malaysia. Negeri JUMLAH Johor 4,546 Kedah 5,764 Kelantan 2,756 Melaka 2,272 Negeri Sembilan 2,893 Pahang 3,493 Perak 9,468 Perlis 2,092 Pulau Pinang 5,071 Sabah 3,089 Sarawak 2,024 Selangor 2,592 Terengganu 1,407 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 4,710 Wilayah Persekutuan Labuan 1,971 Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ibu Pejabat) 876 JUMLAH 55,024 Pada tahun 2015, terdapat seramai 19,998 klien telah mendapatkan khidmat kaunseling dan psikologi di JKM, 33,174 klien di LPPKN dan 1,852 klien di JPW. Bilangan klien mengikut negeri adalah seperti berikut:

